

Malaysia Berada Dalam Kedudukan Ekonomi Yang Baik Walau Pun Berlaku Krisis Global
Bernama
23 Januari, 2013

SUNGAI PETANI, 23 Jan (Bernama) -- Malaysia berada pada kedudukan ekonomi semasa yang baik berbanding banyak negara lain, termasuk negara-negara maju walau pun dunia kini berhadapan dengan krisis ekonomi, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Katanya berdasarkan perkembangan ekonomi pada suku ketiga tahun lepas, Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi 5.2 peratus, sedangkan banyak negara maju mencatatkan perkembangan yang kurang baik.

Beliau berkata Jepun mencatatkan 0.1 peratus, Amerika Syarikat (2.6 peratus), United Kingdom (0.0 peratus), Korea Selatan (1.6 peratus) dan Singapura (0.0) manakala zon Euro mencatatkan pertumbuhan negatif selama beberapa sukuan.

"Suku keempat masih belum diumumkan. Unjuran tahun lepas dicatatkan antara 4.0 hingga 5.0 peratus. Ia masih merupakan ekonomi kukuh kerana permintaan domestik dan pelaburan kita sangat kukuh dan penggunaan sangat tinggi."

"Sepanjang tahun lepas, perdagangan dicatatkan berlebihan. Eksport masih sangat tinggi berbanding banyak negara lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Menara Hasil Sungai Petani di Bandar Amanjaya di sini Rabu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=923860>